

Dasar pelaburan disemak selalu

22 DEC 1993

BUTTERWORTH 21 Dis. — Kerajaan membuat semakan dan kajian tentang dasar pelaburan dari semasa ke semasa untuk menentukan setiap pelaburan memberikan keuntungan, kata Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad hari ini.

Beliau berkata, langkah tersebut adalah untuk menentukan kesepaduan proses perindustrian dapat memberikan kesan sampingan kepada ekonomi secara keseluruhan.

Oleh itu beliau berkata, sektor perkilangan tetap memainkan peranan ut-

ma bagi peralihan bentuk ekonomi.

Berucap merasmikan pembukaan kilang Otis Manufacturing Company, di Bukit Tengah dekat sini hari ini, Dr. Mahathir berkata, suasana pelaburan di Malaysia kini lebih memikat ekoran penurunan cukai korporat daripada kadar 34 kepada 32 peratus pada tahun depan.

Pada tahun 1995, kadar itu akan diturunkan lagi kepada 30 peratus, menjadikan kadar berkenaan setanding dengan kadar di negara-negara jiran.

Perdana Menteri berkata, mengikut Belanjawan

1994, insentif yang akan diberikan sehubungan dengan penubuhan industri teknologi tinggi dan penyelidikan dan pembangunan (R&D) akan menggalakkan kemasukan pelaburan langsung asing (FDI).

Ini juga katanya, akan menggalakkan kilang-kilang yang sedia beroperasi berkembang ke koridor timur Semenanjung, Sabah dan Sarawak.

Beliau berkata, Malaysia kini memerlukan pelaburan yang memberi nilai ditambah yang tinggi, intensif modal dan teknologi canggih.

Katanya, pilihan itu di-

perlukan kerana cabaran promosi pelaburan juga semakin mencabar disebabkan tidak sahaja Malaysia perlu bersaing dengan negara-negara kurang membangun malah negara-negara industri baru juga cuba untuk mengekalkan pelaburan di negara mereka sendiri.

"Industri-industri seperti itu boleh mengukuhkan rantaian di kalangan industri supaya dapat menentukan Malaysia boleh membangunkan keupayaan eksportnya dengan lebih besar," katanya.